

**HUBUNGAN ANTARA GAYA PEMBELAJARAN DI
KALANGAN PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI
DI SABAH DENGAN JANTINA, UMUR DAN
LATAR BELAKANG PEKERJAAN**

*Khalid Johari **

1. PENGENALAN

Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT), khususnya yang baru menduduki Tahun Pertama kerap berdepan dengan kesukaran atau cabaran untuk menyesuaikan diri dengan corak kehidupan sebagai pelajar IPT. Kesukaran utama yang dihadapi ialah penyesuaian gaya pembelajaran atau cara untuk memahami, mengupas, mendalami dan menguasai sesuatu bahan kuliah yang telah disampaikan.

Masalah kesukaran penyesuaian ini berkemungkinan berpunca daripada pemilihan bidang pengkhususan, kaedah syarahan yang digunakan, kesukaran mendapatkan bahan rujukan, keliru antara minat dengan keupayaan, kesukaran berinteraksi dengan persekitaran baru dan sebagainya. Pada umumnya, terdapat banyak pembolehubah sama ada pembolehubah yang bersifat aktif maupun atribut, yang mempengaruhi wujudnya kesukaran dalam menyesuaikan diri dengan gaya pembelajaran di IPT.

1.2 Konsep Pembelajaran Dan Gaya Pembelajaran

Secara umumnya pembelajaran adalah suatu proses pemerolehan

* *Khalid Johari ialah pensyarah Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, UMS.*

maklumat dan pengetahuan, penguasaan kemahiran serta tabiat dan pembentukan sikap serta kepercayaan (Lee Shok Mei, 1994). Proses ini berlaku sepanjang hayat tanpa mengira tempat, masa dan situasi. Pembelajaran boleh berlaku secara tidak disengajakan menerusi pelbagai situasi yang berbeza. Suasana pembelajaran yang berlaku secara formal, proses pemerolehan maklumat, pengetahuan serta penguasaan kemahiran merupakan sesuatu yang telah dirancang secara teratur serta terikat dengan arahan-arahan guru, pensyarah ataupun Pembimbing (instruktur). Manakala dalam situasi pembelajaran tidak formal, maklumat, pengetahuan dan kemahiran lebih merupakan perolehan yang terhasil daripada interaksi antara individu (Vella 1994).

Dalam konteks psikologi pula, pembelajaran ditakrifkan sebagai perubahan tingkah laku hasil daripada pengolahan pemikiran ke atas rangsangan-rangsangan yang diterima oleh pancaindera (Atan Long, 1993). Semua jenis rangsangan dalam apa jua bentuk yang diterima akan dibawa ke otak untuk dianalisis. Hanya rangsangan yang bermakna sahaja yang akan ditanggapi dan seterusnya disimpan sebagai pengalaman. Proses terima-simpan rangsangan ini berterusan sehingga membentuk pengalaman yang diperkukuhkan dengan rangsangan baru yang berkaitan.

Takrifan-takrifan tentang pembelajaran di atas dapat dilihat sebagai gabungan pandangan dari dua mazhab yang wujud dalam psikologi. Mazhab Behaviorisme berpendapat bahawa pembelajaran merupakan perubahan tingkah laku yang dapat diperhatikan dan agak tetap; perubahan tersebut sebagai kesan daripada langkah-langkah pengukuhan (Biehler, F.F. & Snowman, J. 1990). Manakala golongan Kognitif pula berpendapat bahawa pembelajaran adalah suatu proses dalaman yang tidak dapat diperhatikan (Woolfolk, A. 1995). Kesan daripada proses dalaman tersebut hanya boleh dilihat daripada sebarang perubahan tingkah laku yang berlaku.

Bagaimanapun, golongan neobehaviorisme pula mentafsirkan konsep pembelajaran dalam konteks yang lebih luas. Menurut

mereka, pembelajaran adalah proses atau rangkaian aktiviti untuk memperoleh maklumat, manakala tingkah laku pula merupakan manifestasi daripada pencapaian pengetahuan yang dapat dilihat (Biehler & Snowman 1990). Bagaimanapun, konsep ini tidak bermakna perlakuan atau perubahan tingkah laku yang dapat dilihat mencerminkan keseluruhan pengetahuan yang diperoleh. Ini kerana tingkah laku yang dapat dilihat bukanlah mencerminkan keseluruhan pengetahuan yang diperoleh (Travers, J.F, et. al. 1993).

Takrifan-takrifan tentang pembelajaran secara umumnya masih terikat dengan aktiviti untuk memperoleh pengetahuan. Dalam hal ini, sudah tentu wujud pelbagai cara atau gaya yang digunakan oleh pelajar untuk memperoleh, memproses dan mengorganisasikan maklumat dan seterusnya bertindak balas terhadap rangsangan persekitaran (Shuell, 1981).

Pendapat Shuell dikukuhkan lagi oleh Furnham (1996). Beliau mengatakan bahawa setiap individu perlu untuk mengekalkan hubungannya dengan individu lain, tetapi dalam masa yang sama wujud kecenderungan untuk melakukan sesuatu aktiviti secara bersendirian. Selain itu, terdapat pula individu yang berasa mereka perlu dikawal, diarah dan dibentuk oleh individu lain, tetapi dalam masa yang sama perlu untuk mengekalkan kebebasan dan hak bersuara.

Gaya atau cara pembelajaran ini terjadi berdasarkan situasi atau kesediaan yang berbeza pada setiap individu. Sebagai contoh, situasi pelajar-pelajar yang sedang membuat persediaan untuk menghadapi peperiksaan. Ada pelajar yang membuat persediaan dengan cara bersendirian mentelaah nota-nota kuliah. Terdapat pula pelajar yang membentuk kumpulan belajar di kalangan mereka untuk membincangkan topik-topik yang telah dikuliahkan. Dan tidak kurang juga, pelajar yang membentuk kumpulan tutorial bagi memudahkan mereka memahami topik-topik kuliah yang dianggap sukar.

1.3 Literatur Berkaitan

Kebanyakan kajian berkaitan dengan gaya pembelajaran lebih memberi tumpuan kepada cara atau gaya seseorang pelajar mengoperasikan pemikiran dalam melihat atau menanggapi sesuatu maklumat. Bagaimanapun, kajian ini hanya tertumpu kepada cara seseorang pelajar memperoleh, memproses dan mengorganisasikan maklumat atau pengetahuan; sama ada dengan cara belajar bersendirian, berkumpulan atau secara tutorial.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Chartrand (1991) (di dalam Matthews, 1994) mendapati ada kecenderungan di kalangan pelajar untuk mengikuti sesuatu kursus pengkhususan yang mereka rasakan boleh mencapai keputusan yang cemerlang. Kecenderungan ini merupakan reaksi spontan pelajar untuk menyelesaikan masalah penyesuaian gaya pembelajaran yang dihadapi. Bagaimanapun, kecenderungan ini tidak semestinya menghasilkan apa yang diharapkan. Pelajar kemudian merasakan sama ada mereka kurang berkeupayaan atau kurang berminat terhadap bidang pengkhususan yang telah dibuat.

Matthews (1994), melalui kajiannya ke atas pelajar-pelajar dari beberapa disiplin ilmu mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara lelaki dan perempuan dalam gaya pembelajaran yang digunakan; khususnya di kalangan pelajar matematik, perniagaan, sains sosial dan pendidikan.

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan yang dikaji ialah seperti berikut:

- 1.4.1 Apakah gaya pembelajaran yang diamalkan di kalangan pelajar-pelajar IPT di Sabah?
- 1.4.2 Adakah wujud hubungan antara gaya pembelajaran di kalangan pelajar-pelajar IPT di Sabah dengan jantina, umur dan latar belakang pekerjaan?

1.5 Objektif Kajian

Selaras dengan persoalan kajian di atas, maka objektif kajian ini ialah:

- 1.5.1 Mengenal pasti gaya pembelajaran yang diamalkan di kalangan pelajar IPT di Sabah.
- 1.5.2 Mengukur hubungan antara gaya pembelajaran pelajar IPT di Sabah dengan jantina, umur dan latar belakang pekerjaan.

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis nul digunakan untuk mengukur item 1.4.2 di atas, iaitu:

H_0 = Tidak wujud hubungan antara gaya pembelajaran pelajar IPT di Sabah dengan jantina, umur dan latar belakang pekerjaan.

1.7 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, terdapat dua jenis pembolehubah yang akan dikaji, iaitu pembolehubah aktif, iaitu gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar-pelajar IPT di Sabah; dan pembolehubah atribut, iaitu jantina, umur dan latar belakang pekerjaan. Kajian ini akan menjadikan gaya pembelajaran sebagai pembolehubah yang menerima kesan atau pengaruh daripada jantina, umur dan latar belakang pekerjaan.

Oleh kerana kajian ini mengambil sampel daripada hampir kesemua IPT yang ada di Sabah maka dapatan kajian ini boleh digeneralisasikan kepada populasi kajian.

1.8 Kepentingan Kajian

Adalah diharapkan daripada dapatan kajian ini nanti, akan dapat dijadikan panduan oleh kalangan pelajar IPT dalam hal penekanan atau pengamalan gaya pembelajaran yang bersesuaian. Selain itu,

dapatan kajian ini juga akan dapat membantu pihak pentadbir IPT untuk menganggarkan keperluan lokasi dan peralatan serta peruntukan masa yang berpatutan supaya pelajar mempunyai peluang yang lebih luas untuk memilih gaya pembelajaran yang bersesuaian.

1.9 Definisi Operasional

Di dalam kajian ini, gaya pembelajaran merujuk kepada cara yang digunakan oleh pelajar untuk memperoleh, memproses dan mengorganisasikan maklumat atau pengetahuan; sama ada dengan cara belajar individu, berkumpulan atau secara tutorial sesama rakan siswa. Cara pembelajaran ini hendaklah konsisten diamalkan pada setiap semester yang dilalui.

Gaya pembelajaran individu ialah pelajar berusaha secara bersendirian sama ada mengulang kaji atau mendapatkan pengetahuan tanpa mengadakan perbincangan secara mendalam dengan rakan-rakan yang berkenaan. Gaya pembelajaran berkumpulan pula ialah beberapa orang pelajar (umumnya dalam jumlah antara dua hingga tujuh orang) membentuk kumpulan diskusi untuk berbincang atau mengulang kaji bahan-bahan kuliah. Manakala gaya pembelajaran tutorial pula ialah sejumlah pelajar (bilangan antara lapan hingga 15 orang) membentuk sebuah kumpulan tutorial dan membahagikan topik-topik kuliah di kalangan mereka; dengan setiap kumpulan kecil pelajar akan menguasai topik-topik tertentu dan kemudian mengendalikan kumpulan tutorial untuk topik yang mereka kuasai.

2. KAEDAH KAJIAN

2.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian tinjauan deskriptif ini merupakan satu kajian awalan (preliminary) yang bertujuan untuk mengenal pasti pola serta mengukur hubungan antara jantina, umur dan latar belakang

pekerjaan dengan aspek-aspek pembelajaran di kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta (IPTA/S). Kajian tinjauan berbentuk deskriptif ini digunakan kerana kajian ini tidak mempersoalkan sebab pembolehubah atribut tersebut wujud. Jantina, umur dan latar belakang pekerjaan merupakan pembolehubah atribut. Dalam kajian ini, pengkaji ingin mengukur sejauhmana ketiga-tiga pembolehubah atribut tersebut mempengaruhi gaya pembelajaran subjek yang terkandung di dalam sampel.

2.2 Populasi Kajian

Populasi kajian ini ialah pelajar-pelajar di tujuh buah institusi pengajian tinggi yang ada di Sabah; dengan anggaran jumlah pelajar seramai 9,500 orang. Pemilihan institusi dipilih secara rawak mudah, manakala jumlah subjek untuk tujuan persampelan dipilih dengan cara rawak mudah dalam jumlah kelompok yang seimbang; iaitu 50 orang pelajar bagi tiap institusi; yang keseluruhannya berjumlah 350 pelajar. Keputusan menentukan kaedah serta jumlah sampel ini dibuat berdasarkan keterbatasan dari segi faktor logistik. Pengkaji berpendapat bahawa faktor kewangan yang terhad, tempoh kajian yang singkat, keterikatan tempoh kajian dengan takwim di tiap institusi yang berbeza menjadi sebab utama keputusan ini dibuat. Di samping itu, penentuan jumlah kelompok yang seimbang memudahkan analisis perbandingan dibuat. Bagaimanapun, hanya 342 orang sahaja yang mengembalikan borang soal selidik yang diedarkan.

2.3 Alat Kajian

Kajian ini menggunakan soal selidik untuk mengumpul data, yang mengandungi 14 item; yang terdiri daripada butir-butir pelajar dan item-item yang dibina khusus untuk mengenal pasti gaya pembelajaran pelajar, meliputi jumlah masa belajar dalam seminggu dan gaya pembelajaran.

Borang soal selidik diedarkan secara rawak berkelompok

mengikuti kumpulan kursus yang berbeza. Borang-borang yang telah diisi kemudian dikumpul dan dikembalikan kepada pengkaji melalui Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP) setiap institusi.

Data-data yang telah dikumpul kemudian dianalisis dengan menggunakan program Statistical package for Sosial Science (SPSS). Ujian Khi Kuasa Dua digunakan untuk mengukur perbezaan antara pembolehubah; pada paras signifikan $k < 0.05$. Manakala Pekali Kontingensi digunakan untuk mengukur sejauhmana nilai hubungan yang wujud antara pembolehubah.

3. DAPATAN KAJIAN

3.1 Perihal Sampel

3.1.1 Taburan Jantina Mengikut IPT

Jumlah sampel yang terlibat dalam kajian ini ialah 342 orang dari pelbagai Institusi Pengajian Tinggi yang ada di Sabah. Berdasarkan kepada Jadual 1 di bawah, dapat dilihat bahawa bilangan pelajar lelaki ialah 115 orang, iaitu 33.6% dari jumlah keseluruhan sampel. Manakala bilangan pelajar perempuan pula ialah 227 orang (86.4%). Dari segi peratusan mengikut IPT pula, menunjukkan 292 orang (85.4%) sampel terdiri dari kalangan pelajar IPTA; dan selebihnya iaitu 50 orang (14.6%) terdiri daripada pelajar-pelajar IPTS.

Jadual 1: Taburan Jantina Mengikut IPT

Jantina	Institusi Pengajian Tinggi		Jumlah
	IPTA	IPTS	
Lelaki	103	12	115
Perempuan	189	38	227
Jumlah	292	50	342

3.1.2 Taburan Umur Mengikut IPT

Jadual 2 berikut menunjukkan sejumlah 263 orang (76.9%) sampel kajian ini terdiri daripada pelajar yang berumur antara 18 hingga 22 tahun. 52 orang (15.2%) pelajar dalam lingkungan umur 23 hingga 27 tahun; 19 orang (5.6%) pelajar pula berumur antara 28 hingga 32 tahun. Manakala selebihnya, iaitu 8 orang (2.3%) berumur antara 33 hingga 37 tahun.

Jadual 2: Taburan Umur Mengikut IPT

Umur	Institusi Pengajian Tinggi		Jumlah
	IPTA	IPTS	
18-22 Tahun	214	49	263
23-27 Tahun	51	1	52
28-32 Tahun	19	-	19
33-37 Tahun	8	-	8
Jumlah	292	50	342

3.1.3 Taburan Latar Belakang Pekerjaan Mengikut IPT

Jadual 3 memaparkan sejumlah 60 orang (17.7%) pernah berkhidmat dengan kerajaan, 58 orang (17.1%) pula pernah berkhidmat di sektor swasta. Manakala 11 orang (3.2%) pula pernah bekerja sendiri. Selebihnya, iaitu 210 orang (61.9%) tidak pernah bekerja.

Jadual 3: Taburan Latar Belakang Pekerjaan Mengikut IPT

Latar Belakang	Institusi Pengajian Tinggi		Jumlah
	IPTA	IPTS	
K/Tangan Kerajaan	60	-	60
K/Tangan Swasta	54	4	58
Bekerja Sendiri	11	-	11
Tidak Pernah Bekerjal	164	46	210
Jumlah	289	50	339

3.1.4 Hubungan Antara Jantina Dengan Gaya Pembelajaran

Jadual 4: Hubungan Antara Jantina Dengan Gaya Pembelajaran

	Jantina		Jumlah
	Lelaki	Perempuan	
Gaya Pembelajaran:			
Individu	67	123	190
Kumpulan	30	60	90
Tutorial	16	39	55
Missing value			7
Jumlah	113	222	335
Tempat Belajar:			
Rumah/Bilik	87	181	268
Perpustakaan	21	28	49
Halaman/Taman	3	9	12
Lain-lain	3	5	8
Missing value			5
Jumlah	114	223	337

Hasil ujian Khi Kuasa Dua yang dibuat mendapati bahawa nilai χ^2 kira yang diperolehi ialah 0.736; iaitu kurang daripada nilai χ^2 kritikal pada paras signifikan 0.05 ($df=2$), iaitu 5.99. Oleh itu, H_0 diterima. Ini menunjukkan bahawa faktor

jantina tidak mempengaruhi gaya pembelajaran yang diamalkan. Begitu juga halnya hubungan antara tempat-tempat belajar yang digemari dengan faktor jantina; berdasarkan hasil Ujian Khi Kuasa Dua mendapati bahawa nilai χ^2 kira yang diperolehi ialah 2.474; iaitu kurang daripada nilai χ^2 kritikal pada paras signifikan 0.05 ($df=3$), iaitu 7.81. Bermakna H_0 diterima. Ini menunjukkan bahawa tidak ada hubungan yang signifikan antara faktor jantina dengan pemilihan tempat belajar.

3.1.5 Hubungan Antara Umur Dengan Gaya Pembelajaran

Jadual 5: Hubungan Antara Umur Dengan Gaya Pembelajaran

	Umur				Jumlah
	18-22	23-27	28-32	33-37	
	Tahun	Tahun	Tahun	Tahun	
Gaya Pembelajaran:					
Individu	152	26	9	3	190
Kumpulan	70	15	4	1	90
Tutorial	34	11	6	4	55
Missing value					7
Jumlah	256	52	19	8	335
Tempat Belajar:					
Rumah/Bilik	21	139	14	4	268
Perpustakaan	3	57	3	4	49
Halaman/Taman	8	4			12
Lain-lain:	4	2	2		8
Missing value					5
Jumlah	258	52	19	8	337

Hasil ujian Khi Kuasa Dua yang dibuat mendapati bahawa nilai χ^2 kira yang diperolehi ialah 12.897; iaitu lebih besar

daripada nilai χ^2 kritikal pada paras signifikan 0.05 ($df=6$), iaitu 12.59. Oleh itu, H_0 ditolak. Ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pelajar-pelajar dalam kumpulan-kumpulan umur tersebut dengan pemilihan gaya belajar yang diamalkan.

Oleh kerana H_0 ditolak maka pengkaji seterusnya menggunakan Pekali Kontingensi untuk mengukur paras hubungan antara umur dengan gaya belajar. Hasil yang diperolehi menunjukkan wujud hubungan yang signifikan antara umur dengan gaya pembelajaran tetapi paras hubungan tersebut terlalu lemah, iaitu 0.193.

Manakala dari segi hubungan antara umur dengan pemilihan tempat belajar, hasil ujian Khi Kuasa Dua yang dibuat mendapati bahawa nilai χ^2 kira yang diperolehi ialah 18.735; iaitu lebih besar daripada nilai χ^2 kritikal pada paras signifikan 0.05 ($df=9$), iaitu 16.92. Oleh itu H_0 bagi faktor ini ditolak; bermakna wujud hubungan yang signifikan antara faktor umur dengan pemilihan tempat belajar. Bagaimanapun, nilai hubungan ini adalah lemah setelah diukur dengan menggunakan Pekali Kontingensi, iaitu 0.229.

Hubungan Antara Latar Belakang Pekerjaan Dengan Gaya Pembelajaran

Jadual 6: Hubungan Antara Latar Belakang Pekerjaan Dengan Gaya Pembelajaran

	Latar Belakang Pekerjaan				Jumlah
	K/tangan Kerajaan	K/tangan Swasta	Bekerja sendiri	T/ pernah bekerja	
Gaya Pembelajaran:					
Individu	27	29	2	130	188
Kumpulan	16	16	8	50	90
Tutorial	17	12	1	24	54
Missing value					10
Jumlah	60	57	11	204	332
Tempat Belajar:					
Rumah/Bilik	42	42	8	173	265
Perpustakaan	15	11	3	20	49
Halaman/Taman	1	1		10	12
Lain-lain:	2	4		2	8
Missing value					8
Jumlah	60	58	11	205	334

Ujian Khi Kuasa Dua yang dijalankan mendapati bahawa χ^2 kira ialah 24.492, iaitu lebih besar daripada nilai χ^2 kritikal pada paras signifikan 0.05 ($df=6$) iaitu 12.59. Oleh itu H_0 kajian ditolak. Ini bermakna wujud hubungan yang signifikan antara latar belakang pekerjaan sebelum memasuki IPT dengan gaya pembelajaran yang diamalkan. Hubungan ini bagaimanapun hanya berada pada paras 0.262 menerusi Pekali Kontingensi; iaitu suatu nilai yang masih lemah.

Dari segi hubungan antara latar belakang pekerjaan dengan

pemilihan tempat belajar pula, Ujian Khi Kuasa Dua yang dijalankan mendapati bahawa χ^2 kira ialah 21.025, iaitu lebih besar daripada nilai χ^2 kritikal pada paras signifikan 0.05 ($df=9$) iaitu 16.92. Oleh itu, H_0 kajian untuk faktor ini ditolak. Ini membuktikan bahawa wujud kecenderungan di kalangan pelajar untuk memilih tempat belajar yang digemari berdasarkan kepada perbezaan latar belakang pekerjaan. Bagaimanapun, dengan menggunakan Pekali Kontingensi, dapat diketahui bahawa nilai hubungan tersebut adalah lemah, iaitu pada paras 0.243.

3.1.7 Hubungan Antara Tempat Belajar Dengan Gaya Pembelajaran

Jadual 7: Hubungan Antara Tempat Belajar Dengan Gaya Pembelajaran

Tempat Belajar	Gaya Pembelajaran			Jumlah
	Individu	Kumpulan	Tutorial	
Rumah/ Bilik	169	56	40	265
Perpustakaan	13	25	11	49
Halaman / Taman	3	8	.	11
Lain-lain	3	1	4	8
Jumlah	188	90	55	333

Hasil daripada analisis Ujian Khi Kuasa Dua yang telah dibuat mendapati bahawa nilai Khi Kuasa Dua kira ialah 44.04, manakala nilai Khi Kuasa Dua kritikal pada paras signifikan 0.05 ialah 12.59. Bermakna H_0 kajian ditolak. Ini menunjukkan bahawa wujud hubungan signifikan antara tempat belajar yang digunakan dengan gaya pembelajaran yang dipilih. Untuk dapat mengetahui paras hubungan tersebut pengkaji menggunakan Pekali Kontingensi. Hasil analisis menunjukkan bahawa paras hubungan tersebut ialah 0.34, iaitu mendekati pada paras sederhana.

4. Perbincangan dan Rumusan

Hasil dari analisis statistik yang telah dijalankan mendapati bahawa gaya pembelajaran dipengaruhi oleh faktor umur dan latar belakang seseorang. Gaya pembelajaran individu merupakan gaya pembelajaran utama yang diamalkan oleh kalangan pelajar yang berbeza jantina, umur dan latar belakang. Bagaimanapun, daripada tiga pembolehubah yang diukur hanya dapatan bagi pembolehubah jantina sahaja yang tidak mempunyai hubungan signifikan dengan pemilihan gaya pembelajaran; dan ini seterusnya menolak dapatan kajian Brainard dan Oremen (1977) (dalam Matthews, 1994), yang menyatakan wujud hubungan signifikan antara lelaki dan perempuan dalam pemilihan gaya pembelajaran yang diamalkan.

Hasil kajian ini merumuskan bahawa sebahagian besar responden menjadikan gaya pembelajaran individu sebagai amalan mereka. Manakala gaya pembelajaran secara tutorial pula menjadi pilihan terakhir. Walau bagaimanapun bagi kalangan pelajar yang pernah berkhidmat sebagai kakitangan kerajaan serta pelajar yang telah berumur lebih daripada 33 tahun, mereka lebih gemar dengan belajar dalam kumpulan besar untuk membentuk sebuah kumpulan tutorial di kalangan mereka. Besar kemungkinan kedua-dua kumpulan ini dipengaruhi dengan konsep pengagihan tugas semasa berkhidmat dengan kerajaan. Konsep ini membolehkan penyelesaian jumlah tugas yang banyak dalam masa yang singkat. Menerusi cara ini pelajar dari kedua-dua kumpulan ini akan membahagikan topik-topik kuliah di kalangan mereka dan kemudian mengendalikan sebuah kumpulan perbincangan yang besar; dengan tiap kumpulan kecil pelajar akan menguasai topik-topik tertentu dan kemudian mengendalikan kumpulan tutorial mereka untuk topik yang mereka kuasai.

Dari segi penggunaan tempat belajar pula, tempat kediaman atau bilik asrama menjadi pilihan utama kepada semua jenis gaya pembelajaran. Manakala perpustakaan pula lebih kerap

digunakan oleh pelajar-pelajar yang belajar secara berkumpulan.

Oleh itu, adalah dicadangkan kepada pihak-pihak yang berkaitan, khususnya para Penasihat Akademik dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar di se tiap institusi yang terlibat supaya menggalak giatkan konsep pembelajaran yang lebih menekankan interaksi dua hala di kalangan pelajar. Dalam hal ini, adalah perlu bagi para pelajar untuk mula mengasah dan memperkembangkan tahap penguasaan ilmu pengetahuan yang tidak semata-mata menghafal teori atau formula sahaja. Untuk itu, pembentukan kumpulan-kumpulan belajar merupakan alternatif terbaik tanpa mengira sempadan tempat tinggal / kolej kediaman / asrama, program pengkhususan, sesi pengajian dan sebagainya.

Dalam masa yang sama, pihak yang berkaitan dengan perkhidmatan / fasiliti pelajar seperti perpustakaan, kolej kediaman / asrama, pengangkutan, kantin, keselamatan dan tenaga akademik harus membantu dan membuka lebih banyak peluang dari segi masa dan ruang kepada pelajar bagi membolehkan mereka mengendalikan perbincangan dengan lebih selesa.

Selain itu, adalah dicadangkan juga supaya kajian lanjut dibuat bagi mengenal pasti keberkesanan ketiga-tiga gaya pembelajaran tersebut di atas; sebagai susulan kepada kajian pendahuluan ini.

Negara memerlukan generasi yang bakal mengisi Wawasan 2020 dari kalangan intelek yang mampu menghadapi cabaran dunia tanpa sempadan dan sudah sewajarnya para pelajar kini berfikiran lebih matang dan terbuka dalam memahami dan memperkembangkan ilmu yang dipelajari.

BIBLIOGRAFI

- Biehler, F.F & Snowman, J. (1990). *Applied To Teaching*. Houghton: Mifflin.
- Campbell, B.J. (1991). Planning For A Student Learning Style. *Journal of Education for Business*. Jul/Aug. 91. Vol. 66 Issue 6. p356-359.
- Furnham, A. 1996. The FIRO-B, The Learning Style Questionnaire, And The Five-Factor Model. *Journal of Social Behaviour and Personality*. Jun 1996. Vol. 11 Issue 2, p285-300.
- Lee Shok Mee. (1994). *Asas Pendidikan 2*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Matthews, Doris B. (1994). An Investigation of Students' Learning Styles in Various Disciplines in Colleges and Universities. *Journal of Humanities Education and Development*. Dec 94. Vol. 33 Issue 2. p65-74.
- Shuell, T. 1981. Dimensions of Individual Differences. Dalam F. Farley & N. Gordon. *Psychology and Education: The State of The Union* (p32-59). Berkeley. California: McCutchan.
- Travers, J.F. et. al. (1993). *Educational Psychology*. Iowa: C. Brow Communications Inc.
- Vella, J. (1994). *Learning To Listen Learning To Teach*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Woolfolk, A. (1995). *Educational Psychology*. Massachusett: Prentice Hall.